

Tiada bah lagi

Parit dua kilometer di Kampung Tersusun, Bukit Larang diperdalamkan

>>Oleh Mohamad Yatim Latip

am@hmetro.com.my

MELAKA: Masalah banjir lumpur yang sering membelenggu penduduk di Jalan Cempaka, Kampung Tersusun, Bukit Larang di sini, sejak tiga tahun lalu dijangka berakhir tidak lama lagi.

Ini merupakan kerja mendalamkan parit sepanjang hampir dua kilometer di kampung berkenaan membabitkan beberapa agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) sedang rancak dijalankan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Md Yunos Husin berkata, tindakan drastik mendalamkan parit di situ terpaksa dilakukan sebaik penduduk yang sudah tidak tertahan lagi dengan masalah mereka hadapi itu membuat aduan.

Menurutnya, beliau sendiri turut menyaksikan penderitaan dialami penduduk di kawasan itu, mana pernah turut sama meredah banjir lumpur ketika melawat kawasan berkenaan seawal jam 3 pagi sebelum ini.

"Baru-baru ini penduduk menghubungi saya dan sehu-



BAKAL DIATASI...Md Yunos (kiri) melihat saluran longkang yang bakal digali.

bugan itu saya terus bergegas ke kampung berkenaan melihat sendiri kesan banjir lumpur itu," katanya ketika ditemui di sini.

Md Yunos berkata, antara langkah diambil ialah dengan menggali semula longkang yang sebelum ini tertimbus dan dipenuhi semak-samun serta tumbuhan liar.

"Usaha yang kami lakukan ini adalah sementara dan sekiranya memperoleh peruntukan kelak,

kami akan bina longkang konkrit selain menurap laluan di sini," katanya.

Sementara itu, penduduk, Abdul Aziz Mahmud, 56, berkata, beliau bersyukur kerana masalah itu selesai serta berterima kasih kepada pihak terbabit.

"Penduduk sudah mengalami penderitaan ini begitu lama sehingga kami sendiri menemui Exco terbabit dan syukur tindakan diambil kurang 24 jam," katanya.

Penduduk lain, Zakaria Mohamad, 45, berkata, kebanyakan penduduk tidak tidur lena setiap kali hujan lebat berikutan terlalu bimbang.

"Dengan usaha yang dilakukan pihak berkenaan sekarang ini (kelmarin), kami kini berasa amat lega," katanya.

Difahamkan, kira-kira 30 keluarga mendiami kawasan berkenaan dan sering terdedah dengan kejadian banjir lumpur berkenaan.